



LEE SHUET YEE,  
SMK LOCHRINE, KUALA LUMPUR.

## PERANAN IBU BAPA DALAM MENANGANI GEJALA RASUAH

**K**ebelakangan ini, isu gejala rasuah menjadi buah mulut orang ramai di Malaysia. Walaupun isu ini dianggap sebagai isu sensitif, isu rasuahan lantang dibincangkan dan diperdebatkan oleh pelbagai lapisan masyarakat. Amalan rasuah merupakan tindakan yang salah di sisi undang-undang, iaitu seseorang itu memberi mahupun menerima sesuatu yang bernilai seperti wang, harta serta kenaikan pangkat bagi memperoleh sesuatu keistimewaan. Antara punca utama kadar kes rasuah di negara kita semakin meningkat ialah sikap individu yang tidak takut akan kesan yang menimpanya apabila memberi atau menerima rasuah.

Tidak dapat disangkal bahawa polemik ini menjadi masalah sosial yang serius di Malaysia. Hal ini disebabkan jenayah rasuah bukan sahaja meninggalkan impak negatif terhadap seseorang individu, malah jenayah rasuah yang semakin berleluasa akan mencemarkan imej negara Malaysia. Masalah ini pula akan membawa kepada hilangnya kepercayaan dan keyakinan pelabur asing terhadap Malaysia, lantas menjejaskan ekonomi negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa institusi keluarga, terutamanya ibu bapa berperanan signifikan untuk memberikan pendidikan informal kepada anak-anak berkenaan dengan isu rasuah. Ibu bapa bertanggungjawab untuk mendidik anak-anak sejak kecil lagi untuk menghindari amalan rasuah kerana melentur

buluh biarlah dari rebungunya. Buktinya, ibu bapa seharusnya memberikan didikan agama kepada anak-anak. Hal ini disebabkan pegangan agama yang kukuh merupakan perisai yang dapat melindungi diri daripada mudah terpengaruh dan cenderung untuk terjebak dalam amalan rasuah.

Ibu bapa juga perlulah menjelaskan kepada anak-anak bahawa setiap agama menerapkan nilai murni dalam setiap amalan dan melarang gejala negatif yang mendatangkan keburukan terhadap diri dan pihak lain. Anak-anak yang mempunyai pegangan agama yang kuat juga dapat membezakan antara kaca dan permata. Sebagai contoh, anak-anak muda yang diberikan didikan agama yang baik akan melaksanakan setiap tugas yang diberikan secara jujur dan amanah tanpa mengharapkan sebarang balasan. Anak-anak juga akan berani mengatakan tidak kepada pemberian rasuah hasil daripada penerapan nilai positif oleh ibu bapa mereka. Impaknya, berkat didikan ibu bapa, mereka akan menolak amalan rasuah yang dapat dibentuk bermula daripada institusi keluarga. Kesannya, sifar gejala rasuah dalam kalangan masyarakat Malaysia dapat dizahirkan.

Sebagai kesimpulannya, jelaslah bahawa gejala rasuah sewajarnya ditangani dengan segera sebelum kudis menjadi tokak. Hal ini dapat direalisasikan melalui pengemblengan usaha oleh pelbagai pihak termasuklah peranan utama yang diberikan oleh ibu bapa kepada anak-anak. ds